

Tiga peranan utama perkasa

UiTM: TPM

SHAH ALAM: Datuk Seri Najib Razak menggariskan tiga peranan utama yang perlu diperjuangkan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi menjadikannya sebuah institusi yang berwibawa dan cemerlang.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tiga peranan yang mesti dicapai UiTM itu penting selaras dengan persekitaran dunia yang kini pantas berubah.

"Tiga peranan itu ialah menjadi institusi penjana ilmu dan modal insan yang cemerlang; menjadi institusi harapan orang Melayu dan Bumiputera sebagai pengimbang penting dalam negara dan menjadi institusi yang akan membolehkan proses mobiliti sosial berlaku dengan lebih rancak," katanya ketika melancarkan Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM di Dewan Seri Budiman, di sini, malam tadi.

Najib berkata, penguasaan ilmu berkait rapat dengan kejayaan sebuah negara kerana tamadun yang dibina perlu berpaksikan kepada tradisi mengejar keilmuan.

Tanpa penguasaan ilmu, katanya, tidak mungkin cita-cita kesampaian, manakala penjana kekayaan menjadi kenyataan jika manusia dapat menggunakan ilmu dan menterjemahkannya dalam bentuk punca kekayaan.

"Ada negara kaya dengan hasil mahsulnya tetapi tidak diiktiraf sebagai negara berjaya. Kalau kita mempunyai sumber asli tetapi kita tidak dapat melahirkan barisan pemimpin, teknokrat, saintis, profesional dan usahawan berwibawa, kekayaan negara tidak akan membawa negara itu kepada kejayaan," katanya.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya mengingatkan rakyat supaya tidak terlalu selesa atau alpa dengan kejayaan kerana negara dikhuatiri akan hancur dalam saingan dunia yang semakin kompetitif.

Sambil menjadikan usaha mendaki gunung sebagai analogi, beliau berkata, setiap langkah pada peringkat lebih tinggi memerlukan tenaga yang lebih.

"Pada peringkat mula mendaki gunung, ia lebih mudah tetapi apabila hampir sampai di puncak, ia menuntut usaha lebih gigih dan tenaga yang lebih banyak," katanya.

Najib berkata, beliau meneruskan kesinambungan ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein yang banyak berjasa kepada UiTM bagi memastikan institusi itu terus maju.

Sebagai institusi harapan, katanya, peruntukan besar kepada UiTM menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan harus dimanfaatkan sebaik-baiknya.

Mengenai Dana Kecemerlangan Pendidikan UiTM, Najib berkata, ia perlu digunakan untuk membawa ilmu tersohor dan memperbanyakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof Dr Ibrahim Abu Shah, berkata dana itu diwujudkan untuk merealisasikan penawaran program pendidikan bertaraf dunia di UiTM, khususnya dalam bidang kritikal.